

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. MASZLEE BIN MALIK**
[SIMPANG RENGAM]
TARIKH : **06 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

SOALAN

DR. MASZLEE BIN MALIK [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a)apakah Kementerian bercadang untuk mengecualikan Pusat Hiburan Taman Tema Keluarga dari Cukai Hiburan 1953,memandangkan Pusat Hiburan Taman Tema tidak mengaut keuntungan yang tinggi dan cukai tersebut amat membebankan; dan
- (b)apakah Kerajaan juga akan memberikan double tax relief kepada mereka apabila mula beroperasi selepas PKP untuk perbelanjaan sanitasi, COVID test kit, ujian RTK Antigen bagi para pekerja dan juga pematuhan SOP yang akan menelanbelanja yang besar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Duti Hiburan 1953, duti hiburan boleh dikenakan ke atas apa-apa aktiviti hiburan seperti pameran, persembahan pentas, taman tema serta pusat permainan atau sukan, di mana orang ramai dibenarkan masuk dengan bayaran. Kerajaan Persekutuan pernah mengecualikan taman tema daripada kelas hiburan yang tertakluk kepada kenaaan duti hiburan berkuatkuasa mulai 22 Disember 2005. Pengecualian tersebut adalah bertujuan untuk menggalakkan perkembangan industri taman tema di negara ini pada masa itu.

Namun begitu, pengecualian berkenaan telah turut menjejaskan hasil negeri memandangkan duti hiburan merupakan hasil yang diserahkan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan Jadual Kesepuluh, Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan itu, pengecualian tersebut telah ditamatkan berkuatkuasa mulai 2 Januari 2014 memandangkan Malaysia telah berjaya menarik kemasukan taman tema antarabangsa seperti Legoland.

Bagi membantu pemulihan sektor pelancongan pasca pandemik COVID-19, pengecualian duti hiburan telah diberikan bagi semua jenis hiburan yang diadakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya sejak 1 April 2021 sehingga 31 Disember 2021, dan kemudiannya dilanjutkan sehingga 31 Disember 2022 melalui pengumuman Bajet 2022.

Sepertimana yang dilaksanakan di negeri-negeri seperti Selangor, Melaka, Johor dan Pulau Pinang, Kerajaan Negeri lain juga disaran mengambil inisiatif yang sama untuk turut mengecualikan duti hiburan di negeri masing-masing bagi membantu pengusaha taman tema yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Berhubung dengan *tax relief*, dengan izin, ke atas perbelanjaan berkaitan dengan COVID-19, untuk makluman Ahli Yang Berhormat

NO SOALAN : 41

dalam Pakej PERMAI, Kerajaan telahpun mengumumkan pemberian potongan cukai ke atas bayaran ujian pengesanan COVID-19 yang ditanggung majikan. Seterusnya, melalui Pakej PEMERKASA, potongan cukai tambahan telah diberikan ke atas bayaran ujian pengesanan COVID-19 yang ditanggung majikan. Kemudahan ini akan berlangsung sehingga 31 Disember 2021.

Majikan yang menuntut potongan cukai tersebut hendaklah mengemukakan resit dan perakuan yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia atau pengamal perubatan yang berdaftar di luar Malaysia bahawa ujian pengesanan COVID-19 telah dibuat ke atas pekerjaanya.

Sekian, terima kasih.